



## KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

### MESYUARAT KHAS KAWALAN DENGGI DI DAERAH PETALING DAN SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA 9 APRIL 2014

Situasi kes denggi di seluruh Negara bermula Januari hingga 7 April 2014, terdapat sebanyak 26,658 kes dilaporkan berbanding dengan 6,688 kes yang dilaporkan pada tempoh yang sama tahun 2013, iaitu meningkat 299% atau 19,970 kes. Negeri Selangor melaporkan sebanyak 14,905 kes iaitu 56% daripada keseluruhan kes di Malaysia. Manakala Daerah Petaling mencatatkan 23% dari keseluruhan kes di Malaysia dan 42% dari kes yang dilaporkan di Negeri Selangor.

Bagi kes kematian denggi, sejumlah 64 kematian direkodkan di seluruh negara berbanding dengan hanya 14 kematian dalam tempoh yang sama tahun 2013. Negeri Selangor melaporkan kes kematian tertinggi iaitu sebanyak 26 kematian (41%). Manakala Daerah Petaling mencatatkan 8 kes kematian (31%) dari keseluruhan kematian di Negeri Selangor dan 13% bagi keseluruhan kematian di Malaysia.

Bagi tempoh yang sama, sejumlah 223 lokaliti wabak dilaporkan dari 14 negeri di seluruh Negara dan Selangor merekodkan wabak tertinggi iaitu sebanyak 121 wabak (54%). Manakala 52 lokaliti wabak adalah di Daerah Petaling iaitu 23% dari keseluruhan wabak di Malaysia dan 43% bagi lokaliti wabak di Selangor.

Berdasarkan kepada situasi ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil inisiatif mengadakan Mesyuarat Khas Kawalan Denggi di daerah Petaling. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mencari penyelesaian dan kaedah penambahbaikan bersama anggota-anggota Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang terlibat secara langsung dengan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi, supaya kes, wabak dan kematian denggi dapat dikurangkan di daerah ini.

Memandangkan daerah Petaling mempunyai populasi yang padat dan kes denggi yang tertinggi maka penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan denggi adalah tindakan yang paling berkesan. Penubuhan pasukan COMBI perlu dipertingkatkan dan diaktifkan di daerah ini. Sukarelawan COMBI hendaklah digerakkan untuk menjalankan aktiviti mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes di lokaliti mereka setiap minggu. Projek COMBI juga disarankan untuk ditubuhkan di sekolah dan institusi dengan penglibatan pelajar pelajar di daerah Petaling. Pihak Berkuasa Tempatan juga harus memainkan peranan dalam pencegahan dan kawalan denggi termasuk menubuhkan pasukan COMBI di bawah kawasan seliaan mereka.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**8 April 2014**

**SITUASI DENGGI DI MALAYSIA DARI JANUARI SEHINGGA 7 APRIL 2014**

Bil	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. sehingga 7 April 2014		Jumlah Kes Terkumpul untuk tempoh sama bagi 2013	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	57	0	45	0
2	Kedah	202	2	207	1
3	P. Pinang	587	3	203	0
4	Perak	1,870	5	569	0
5	Selangor	14,905	26	2,881	1
6	WPKL & Putrajaya	2,363	4	505	3
7	N. Sembilan	1,411	2	126	0
8	Melaka	862	3	136	0
9	Johor	1,623	12	628	6
10	Pahang	344	0	165	0
11	Terengganu	256	1	55	0
12	Kelantan	1,472	4	391	0
13	Sarawak	335	2	547	2
14	Sabah	361	0	230	1
15	WP Labuan	10	0	0	0
	Malaysia	26,658	64	6,688	14

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**KEPUTUSAN OPS GEMPUR KHAS TAPAK BINAAN DI NEGERI  
SELANGOR  
PADA 8 APRIL 2014**

1. Sebanyak 14 tapak binaan telah diperiksa dalam OPS Gempur Khas di tapak binaan di Selangor pada 8 April.
2. Kesemua **14 tapak binaan** yang diperiksa telah didapati **mempunyai pемbiakan** dan telah diberi **Arahan Penutupan di bawah Seksyen 8(3)(aa), APSPP 1975.**
3. Sebanyak **lima (5) tapak binaan** daripada 14 tapak pembinaan yang diperintah tutup turut diberi Notis Arahan Kerja-Kerja Pembersihan di bawah Seksyen 8.
4. Sebanyak 80% tempat pembiakan nyamuk yang dijumpai (165 daripada 206 tempat pembiakan) adalah terdiri dari lantai simen yang menakung air dan 6% pembiakan adalah di dalam longkang. Manakala selebihnya adalah pembiakan dijumpai di dalam bekas polisterin, bekas plastik, baldi, bekas terpakai, tong dan tangki air.

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 07 April 2014**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	222	295
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	225	274
3	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	42	135
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangaspuri Baiduri	27	133
5	SELANGOR	Petaling	Taman Kinrara 3 ( Vista Lavender )	77	126
6	SELANGOR	Petaling	PJS 2c Flat Taman Medan Cahaya	25	95
7	SELANGOR	Hulu Langat	KUIS	17	78
8	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Perdana (Vista Millennium)	10	74
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	29	71
10	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Perkasa Hulu Langat	24	70
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan BM 11-27 Taman Bukit Mewah	14	69
12	NEGERI SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	23	65
13	SELANGOR	Gombak	Rumah Kedai Bt Caves Centre Point	13	60
14	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	8	54
15	SELANGOR	Petaling	PJS 3 Flat Taman Sri Manja	8	50
16	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Fasa 7a (Zon 2)	17	49

17	SELANGOR	Gombak	Flat Prima Selayang	9	48
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 Bukit Subang Teres B	13	48
19	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 5	11	45
20	SELANGOR	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	10	45
21	WILAYAH PERSEKUTUAN	Lembah Pantai	Taman Oug (Jalan Hujan Gerimis)	7	45
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen U12 Apt Sri Dahlia	9	44
23	SELANGOR	Petaling	Bandar Puteri 7 (Teres)	12	43
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Flat Pkns A (Blok 1 - Blok 4)	6	42
25	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Lestari	8	42
26	NEGERI SEMBILAN	Seremban	Persada Damai Enstek	8	42
27	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel GMI Bangi	18	41
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Flat J	8	40
29	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Apartment Damai	6	40
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	8	38
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Alam Budiman ( Jln Pulau Lumut)	20	37
32	PULAU PINANG	Seberang Perai Tengah	Taman Desa Damai	14	36
33	WILAYAH PERSEKUTUAN	Lembah Pantai	Flat Taman Gembira	4	35
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Utim Puncak Perdana	9	33
35	SELANGOR	Gombak	AU3 Tmn Keramat Zon 6 (Flat)	5	33
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 Teres A	4	32
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Kondominium Kristal Height	7	31
38	KELANTAN	Kota Bharu	Bawah Lembah	5	31